

**SYARAT-SYARAT DALAM MENIMBANG DAN MELULUSKAN PEROLEHAN ICT
AGENSI-AGENSI DI BAWAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI (JPN)**

Pertimbangan dan kelulusan perolehan ICT adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut :

1. JPN mempunyai Jawatankuasa Pemandu ICT peringkat JPN (JPICT-JPN). Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Pendidikan atau diturunkan kuasa kepada Timbalan Pengarah dan diurus setiakan oleh Sektor Pengurusan Maklumat (ICT), JPN. Bidang kuasa JPICT-JPN adalah seperti di **Lampiran C, Pekeliling ICT KPM Bil. 1 Tahun 2016 - Tadbir Urus Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian Pendidikan Malaysia.**
2. JPICT-JPN menerima dan menyelaraskan semua permohonan perolehan ICT daripada agensi-agensi di bawah JPN yang meliputi Sektor / Unit di JPN, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Sekolah Harian.
3. Semua permohonan perolehan hendaklah mengambil kira pendekatan pelaksanaan dan ciri-ciri inisiatif seperti berikut:

i. Perkakasan/Perisian/Lesen

- a. Kesesuaian spesifikasi dengan matlamat penggunaan.
- b. Kebolehskalaan (*Scalability – start small, expand when needed*)
- c. Kesesuaian konfigurasi server (*should be able to sustain application requirement for a certain period of time*)
- d. Bilangan unit diperlukan berbanding perjawatan.
- e. Menggalakkan perkongsian perkakasan.
- f. Nisbah pegawai kepada perkakasan(1:1) bagi komputer peribadi (PC) atau komputer riba (notebook)
- g. Senarai Agihan perkakasan/perisian serta justifikasi perolehan
- h. Lesen caj sekali atau kos berulang.
- i. Pematuhan kepada Ipv6.
- j. Ke arah ICT hijau.

ii. Aplikasi

- a. Platform yang dicadangkan
- b. Pangkalan data
- c. Struktur data mengikut standard Data Dictionary Sektor Awam.
- d. Integrasi/saling kendali (interoperability) dengan sistem legasi, dalam dan luaran.
- e. Pendekatan pelaksanaan (berpusat, teragih, hosting, dan sebagainya)
- f. Kepakaran ICT yang ada
- g. Potensi perkongsian pintar.

**SYARAT-SYARAT DALAM MENIMBANG DAN MELULUSKAN PEROLEHAN ICT
AGENSI-AGENSI DI BAWAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI (JPN)**

- h. Kebolehskalaan (Scalability – start small, grow as required)
- i. Pelan Migrasi

iii. Rangkaian

- a. Keupayaan infrastruktur rangkaian sedia ada (LAN, WAN)
 - b. Spesifikasi dan reka bentuk yang dicadangkan/ Seni bina teknologi
 - c. Kesesuaian teknologi rangkaian.
 - d. Keselamatan rangkaian (firewall, router, WAF, switches, IPS, IDS dll)
4. Had nilai kelulusan teknikal inisiatif ICT **tidak termasuk** nilai Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).
5. Sebelum perolehan inisiatif ICT dilaksanakan oleh Bahagian, JPN dan Badan Berkanun, semua inisiatif ICT mesti mendapat kelulusan teknikal terlebih dahulu berdasarkan tatacara dan peraturan yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Inisiatif ICT Bahagian, Jabatan Pendidikan Negeri dan Badan Berkanun di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
6. Permohonan perolehan ICT oleh agensi-agensi tidak boleh dipecah kecilkan selaras dengan tatacara perolehan. JPICT-JPN akan meneliti perancangan perolehan ICT keseluruhan bagi agensi-agensi terbabit untuk tahun belanjawan. Pertimbangan dan kelulusan permohonan adalah berdasarkan peruntukan yang sedia dan norma agihan.
7. Urus setia JPICT-JPN akan menyediakan pangkalan data bagi menyimpan senarai peralatan ICT yang dimiliki oleh agensi-agensi di bawahnya bagi memudahkan pertimbangan permohonan. Salinan data peralatan ICT akan dikemukakan kepada urus setia JPICT KPM setiap enam (6) bulan sekali atau apabila diperlukan.